

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
(SEKIJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.04.2015

Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. apakah Kerajaan menyediakan insentif kepada peniaga yang mendaftar sistem GST kerana kos persediaan untuk pelaksanaan GST adalah tinggi; dan
- b. adakah insentif disediakan untuk perisian GST April 2015.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan

pelbagai pakej bantuan untuk membantu golongan peniaga terutamanya mereka dibawah kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti berikut:-

- i. Penyediaan perisian perakaunan bersubsidi kepada PKS;
- ii. Perbelanjaan pembelian peralatan dan perisian ICT diberi Elaun Modal Dipercepatkan; dan
- iii. Perbelanjaan ke atas kos latihan perakaunan dan ICT berkaitan GST diberi potongan tambahan;

2. GST e-voucher yang diperkenalkan pada 1 Jun 2014 adalah bagi membantu PKS yang ingin membeli perisian perakaunan yang patuh GST atau menaik taraf perisian perakaunan sedia ada kepada yang patuh GST. Bermula 11 November 2014, e-voucher diberikan secara automatik kepada PKS yang berdaftar di bawah MyGST. Proses kelulusan secara automatik ini akan berlaku sebaik sahaja permohonan Pendaftaran GST oleh PKS diluluskan oleh Jabatan Kastam. Langkah ini diambil bagi mempercepatkan proses permohonan e-voucher untuk seluruh negeri di Malaysia. Sehingga 3 April 2015, sebanyak 151,623 e-voucher telah dikeluarkan kepada PKS di seluruh negara.

NO. SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH : 6 APRIL 2015

RUJUKAN : 7709

SOALAN:

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan rasional penggunaan Akta Hasutan
secara meluas terhadap seseorang individu yang menyoal dan/atau
mengeluarkan kenyataan mengenai isu-isu semasa seperti isu
Permata dan keputusan kes Dato' Seri Anwar Ibrahim.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak pernah menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara bagi menyatakan pendapat mereka tetapi kebebasan yang diberi bukanlah mutlak. Kebebasan bersuara ini janganlah disalahgunakan hingga menyentuh sensitiviti dan menyinggung perasaan mana-mana pihak. Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu sekiranya mengeluarkan kenyataan berbaur hasutan.

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan agama. Kealpaan kita dalam mengawal perasaan daripada mengeluarkan apa-apa kenyataan yang berbaur hasutan mampu menjejaskan keharmonian, kemakmuran dan ketenteraman awam yang dikecapi selama ini.

Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mengulas dengan lebih lanjut berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar mengenai kes Dato' Seri Anwar Ibrahim.